

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 23.10.2017 (ISNIN)

Tuan Ahmad Baihaki Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan semenjak pelaksanaan cukai GST bermula April 2014 hingga kini, berapa peratuskah barang-barang mengalami penurunan harga sebagaimana yang pernah dijanjikan oleh Perdana Menteri.

125

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Peningkatan atau penurunan harga barangan adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kadar tukaran wang, kekangan pengeluaran seperti upah buruh, faktor cuaca, kos bahan bakar dan tidak semestinya disebabkan oleh pelaksanaan cukai GST.

Berdasarkan data harga yang dipantau oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), peratus barangan yang mengalami penurunan harga ialah di antara **16 hingga 26 peratus** daripada **1,396 barangan** bagi tempoh pelaksanaan GST (April 2015) sehingga kini.